

Aku membisu. Begitu juga dengan Mama. Kami biarkan Cik Agnes bicara sepuas-puas hatinya. Biar dia meluahkan apa yang menghantui jiwanya. Aku benar-benar ingin tahu tentang sesuatu yang selama ini menjadi segunung tanda tanya.

Yang aku tahu, ayah dan Cik Agnes mempunyai hubungan yang istimewa. Dalam keadaan kami sedang dirundung kesedihanpun, Cik Agnes muncul. Kehadirannya tidak diundang. Aku dan Mama tidak senang dengan kedatangannya.

Pusara ayah masih merah lagi. Wanita ini memang tidak mempunyai perasaan. Cik Agnes, itulah namanya, memang tidak berhati perut.

"Ada sesuatu yang ingin saya beritahu. Saya faham perasaan puan dan anak puan." Berkata-kaca mata Cik Agnes.

Mama tetap membisu. Begitu juga aku. Aku faham perasaan Mama sekarang. Sudah lama Mama memendam perasaan marahnya terhadap Cik Agnes. Isteri mana yang tidak akan marah jika suaminya intim dengan perempuan lain. Namun aku kenal Mama semasak-masaknya. Mama sabar orangnya. Buat masa ini, kami mahu dengar sahaja luahan Cik Agnes.

"Encik Gomez saya anggap sebagai bapa ayah saya sendiri. Beliaulah yang telah menolong saya dahulu ketika saya belasan tahun." Pecah bendungan air mata Cik Agnes ketika itu.


Menurut Cik Agnes, ayah yang mewakilinya di mahkamah ketika dia dibicarakan. Ayah yang telah menyelamatkannya dari menerima hukuman yang lebih berat. Cik Agnes telah kehilangan segala-galanya selepas itu. Dia tiada keluarga atau saudara mara lagi. Selama 5 tahun dia ditahan di pusat tahanan remaja nakal, hanya ayah sahaja yang mengunjunginya. Menurut Agnes baru tiga bulan dia dibebaskan. Selepas dibebaskan, Agnes mencari ayah kerana ayahlah satu-satunya manusia yang dipercayainya. Seorang peguam dan juga seorang ayah angkat.

Jelas Mama tersentuh dengan pengakuan Cik Agnes. Begitulah sikap Mama. Beliau prihatin akan nasib malang yang menimpa orang lain.

"Apa yang telah Agnes lakukan sehingga ditahan selama 5 tahun?"

"Secara tidak sengaja saya mengakibatkan kematian ibu kandung saya."

"Apa?"



Mulut aku dan Mama tertakap. Kami berdosa terhadap arwah ayah. Biar sebesor kuman kesangsaan yang singgah di hati kami, kewibawaan ayah telah kami ragui. Sebenarnya ayah bersikap profesional. Kes Agnes tidak pernah diceritakan kepada kami kerana kami tidak perlu tahu dan itu bukan urusan keluarga. Kes Agnes urusan kerjanya.

Mama menghulurkan kedua belah tangan ke arah Agnes yang menyambungnya dengan dakapan yang mesra.

Malam itu kami menghirim sekuntum doa buat roh ayah yang tercinta.

CETERPEN
"Agnes dan Ayah"
karya:
CG Karmiln Bin Abbas

MEMBUNUH?
MENGAPA?
Apa?

Mendiang ibu Cik Agnes seorang janda yang pemabuk. Cik Agnes menjadi mangsa kekejaman ibunya apabila dia kemabukkan. Ibu Agnes selalu memukul bantainya semanjak berceraai dengan suaminya. Ayah Agnes pula menghilangkan setelah perceraian itu dan tidak pernah ditemui Cik Agnes lagi. Kematian ibu Cik Agnes disebabkan oleh pukulan bertubi-tubi di kepalanya dengan benda yang berat. Menurut Cik Agnes dia hilang akal ketika cuba mempertahankan diri.